



MESRA...Daing Nasir (kanan) beramah mesra dengan peserta kursus.

## Tingkatkan pengetahuan

**K**UANTAN: Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) digalakkan memartabatkan ilmu, cara berfikir dan berinteraksi berasaskan ilmu supaya mampu meletakkan universiti itu dalam kelas tersendiri.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata aspek berkenaan penting bagi melihat perkembangan universiti di peringkat tertinggi.

"Jika ia tidak dilaksanakan, status universiti sebagai gedung ilmu tiada bezanya dengan institusi lain yang wujud.

"Proses perkongsian ilmu sebenarnya adalah wadah penyebaran ilmu pengetahuan di kalangan ilmuwan," katanya ketika berucap meras-

mikan Seminar Pengurusan Ilmu: Trend, Realiti atau Mitos peringkat kebangsaan di Perpustakaan UMP di sini, baru-baru ini.

Seminar sehari itu menarik penyertaan 120 peserta daripada institusi pengajian tinggi seluruh negara dan sektor swasta.

Beliau berkata, perkembangan dunia dalam era globalisasi ini menuntut warga universiti bertindak pantas terutama dalam aspek penerimaan dan penyebaran ilmu secara menyeluruh.

"Ketika ini, sebaran ilmu pengetahuan boleh dilakukan dalam pelbagai kaedah dan pendekatan seiring dengan perkembangan semasa," katanya.

Metro (Setemyat) Rabu 17/2/10 ms 22